

# Pembiayaan PUNB ubah nasib Ezani jadi usahawan berjaya

» Graduan lulusan luar negara pilih kerja sendiri daripada makan gaji

Oleh Noor Aznida Alias  
bhkt@bh.com.my

## Kemaman

Berpegang kepada prinsip di mana ada kemahanian, di situ ada jalan, Ezani Ab Ghani, 34, seorang usahawan muda yang langsung tidak memiliki asas dalam dunia perniagaan telah membuktikan dirinya juga mampu mencipta kejayaan sebaris dengan usahawan lain.

Jika anak muda seusianya lebih selesa dan berpuas hati dengan kerja makan gaji, pemilik Ariss Integrated Sdn Bhd yang juga anak kelinangan Kijal, Kemaman ini memilih mencebur ke bidang perniagaan walaupun menyedari risiko yang perlu dihadapi.

Namun bagi pemegang Ijazah

Sarjana Muda Kejuruteraan Instrumentasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), dia nekad memulakan perniagaan dalam bidang kejuruteraan dan konsultansi selepas lima tahun pernah bekerja makan gaji di pelbagai tempat dengan gaji serendah RM400 sebulan demi menimba pengalaman.

“Selepas lima tahun bekerja di Malaysia, saya berhijrah ke United Kingdom untuk menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan berniat untuk mencari peluang pekerjaan di sana selepas tamat pengajian nanti.

“Bagaimanapun, nasib tidak menyebelahi kerana sekitar tahun 2007 dan 2008 berlaku kemelesetan ekonomi dan pihak industri telah mengurangkan pengambilan pekerja.

“Akhirnya, saya dan isteri mengambil keputusan pulang ke Malaysia dan bertekad memulakan perniagaan di Kuala Lumpur pada tahun 2009 dengan keadaan kewangan yang tidak menentu. Hendak meminta bantuan daripada kenalan kerja pun agak sukar kerana sudah terputus hubungan.

“Paling tidak dapat dilupakan, saya pernah menjual majun

kepada rakan untuk membina semula hubungan yang telah lama terputus, ada yang membeli kerana simpati tetapi tidak kurang juga yang memandang serong terhadap usaha saya ini,” katanya.

## Berjaya kerana gigih

Bagaimanapun, berkat kegigihannya, dia berjaya memperolehi kontrak pertama daripada sebuah syarikat kenalan lamanya dan beberapa kontrak lagi selepas itu.

“Bagi sebuah syarikat yang baru beroperasi, kami sentiasa berhadapan masalahkekangan modal kerana tidak memiliki sumber kewangan lain. Isteri saya juga melepaskan kerjaya sebagai seorang guru semasa kami berhijrah ke UK dahulu.

“Saya juga memang tidak berniat membuat permohonan pinjaman di mana-mana bank kerana sudah mengagak mereka tidak akan meluluskan pinjaman kepada syarikat kami yang masih baharu,” katanya.

Pada waktu itu, hanya satu penyelesaian saja yang difikirkannya iaitu mengemukakan permohonan pembiayaan kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

“Saya berusaha menyediakan kertas kerja dengan bantuan rakan dan isteri. Akhirnya saya berjaya mendapat pembiayaan sebanyak RM50,000 pada tahun 2011.

## Dapat kontrak syarikat besar

“Wang itu saya gunakan untuk membayar gaji tiga pekerja dan keperluan bagi urusan pentadbiran. Alhamdulillah, segala-galanya berjalan lancar sehingga saya mengambil keputusan membuka cawangan baharu di Kemaman kerana di sini lebih banyak peluang perniagaan dalam bidang itu berikutan pertumbuhan rancak sektor minyak dan gas,” katanya.

Nasibnya bertambah baik apabi-





“

*Alhamdulillah pada tahun ini, PUNB meluluskan pula pinjaman sebanyak RM2.5 juta kepada syarikat kami. Ia berdasarkan rekod baik bayaran balik”*

**Ezani Ab Ghani,**  
Pemilik Ariss Integrated

la terdapat beberapa buah syarikat termasuk syarikat gergasi seperti PETRONAS menawarkan kontrak kepadanya berdasarkan kualiti perkhidmatan cemerlang yang ditawarkan.

“Untuk memperbesarkan perniagaan, saya terpaksa mengeluarkan modal lebih tinggi dan Alhamdulillah, pada tahun ini PUNB meluluskan pula pembiayaan tambahan sebanyak RM2.5 juta kepada syarikat kami.

“Ia berdasarkan rekod baik pembayaran dan potensi besar yang

ditunjukkan oleh syarikat hasil usaha dan kerjasama pasukan Ariss Integrated Sdn Bhd yang terdiri daripada 12 kakitangan,” katanya.

Justeru, Ezani bersyukur serta berterima kasih kepada PUNB kerana memberi kepercayaan serta membantu usahawan muda sepertinya yang amat memerlukan sokongan pembiayaan.

“Saya percaya PUNB sudah membantu lebih ramai lagi usahawan Bumiputera seperti saya di luar sana untuk mencipta kejayaan.

“Satu perkara lagi yang amat saya hargai ialah kaedah pembayaran pembiayaan PUNB tidak membebankan jika dibandingkan dengan institusi kewangan lain.

“Disebabkan itu, saya lebih memilih berurus dengan PUNB walaupun banyak institusi kewangan yang menawarkan pinjaman lebih tinggi selepas menyedari potensi syarikat kami,” katanya yang menyifatkan PUNB sebagai agensi pembangunan usahawan paling telus dalam meluluskan pembiayaan kepada mereka yang layak.